



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**PROGRAM SISTEM INSURANS PEKERJAAN ELAUN MENCARI PEKERJAAN+**  
**(SIP EMP+) KEPADA PENCARUM**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**BIL. 1 TAHUN 2022**

**1. Apakah yang dimaksudkan dengan bantuan SIP EMP+ kepada pencarum?**

- Seperti yang diumumkan dalam Bajet 2022 oleh Kementerian Kewangan, Program SIP EMP+ ini merupakan penambahbaikan kepada Program SIP PRIHATIN 1.0 dan SIP PRIHATIN 2.0 yang akan berakhir pada 31 Disember 2021.
- Program SIP EMP+ kepada pencarum ini adalah bantuan kewangan kepada pekerja yang telah berdaftar di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang meliputi dua kategori sama ada yang layak dan tidak layak mendapat Elaun Mencari Pekerjaan (EMP).
- Dua kategori Kehilangan Pekerjaan (LOE) yang tidak layak mendapat EMP (Akta 800) adalah –
  - Pekerja yang tidak memenuhi syarat kelayakan caruman (CQC) sebagaimana ditetapkan di bawah Jadual Keempat Akta 800, atau
  - Pekerja yang telah habis tempoh kontrak perkhidmatan sekurang-kurangnya 24 bulan tempoh perkhidmatan dan pernah diperbaharui sekurang-kurangnya sekali di majikan yang sama.
- Tujuan program ini adalah untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan yang terkesan akibat krisis wabak COVID-19 sebagai bantuan segera bagi meneruskan kelangsungan hidup di samping berusaha mencari peluang pekerjaan baharu.

**2. Bilakah tarikh kuatkuasa dan liputan SIP EMP+ kepada pencarum ini?**

- SIP EMP+ berkuatkuasa mulai **1 Januari 2022**.
- Tempoh permohonan bagi program SIP EMP+ kepada pencarum adalah dari 1 Januari 2022 hingga **31 Julai 2022**.
- Bantuan ini hanya meliputi pekerja yang mengalami LOE mulai 1 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2022.
- Pekerja yang telah habis menerima faedah EMP (Akta 800) dan faedah di bawah SIP PRIHATIN 1.0 bagi kehilangan pekerjaan dalam tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021, namun masih belum kembali bekerja adalah layak mendapat tambahan bantuan kewangan sebanyak 3 bulan di bawah Program SIP EMP+ setelah membuktikan ada membuat carian pekerjaan di dalam **Portal MyFutureJobs**.

**3. Berapa lamakah tempoh bayaran bantuan kewangan dan berapakah tambahan nilai bantuan tersebut?**

- Nilai bantuan tambahan bayaran kewangan bagi setiap bulan adalah sekurang-kurangnya 10% hingga 30% daripada gaji bulanan anggapan.
- Ini bermakna tempoh keseluruhan SIP EMP+ dan EMP adalah antara 3 hingga 9 bulan.

**4. Apakah kadar bantuan kewangan yang diberikan di bawah SIP EMP+ kepada pencarum bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan?**

- Bagi kategori pekerja yang layak mendapat **EMP selama 6 bulan** di bawah Akta 800, kadar bantuan kewangan di bawah SIP EMP+ kepada pencarum adalah seperti berikut:

**Jadual 1**

Bulan	Kadar Faedah EMP (Akta 800)	Kadar Bantuan Kewangan SIP EMP+ kepada pencarum (Tambahan)	Kadar Bantuan Kewangan SIP EMP+ (Keseluruhan)
<b>Bulan Pertama</b>	80%	Tiada	<b>80%</b>
<b>Bulan Kedua</b>	50%	Tiada	<b>50%</b>
<b>Bulan Ketiga</b>	40%	10%	<b>50%</b>
<b>Bulan Keempat</b>	40%	10%	<b>50%</b>
<b>Bulan Kelima</b>	30%	20%	<b>50%</b>
<b>Bulan Keenam</b>	30%	20%	<b>50%</b>
<b>Bulan Ketujuh sehingga kesembilan</b>	Tiada	30% setiap bulan	<b>30% setiap bulan</b>

- Bagi kategori pekerja yang layak mendapat **EMP selama 5 bulan**, kadar bantuan kewangan di bawah SIP EMP+ kepada pencarum adalah seperti berikut:

**Jadual 2**

Bulan	Kadar Faedah EMP (Akta 800)	Kadar Bantuan Kewangan SIP EMP+ kepada pencarum (Tambahan)	Kadar Bantuan Kewangan SIP EMP+ (Keseluruhan)
<b>Bulan Pertama</b>	80%	Tiada	<b>80%</b>
<b>Bulan Kedua</b>	50%	Tiada	<b>50%</b>
<b>Bulan Ketiga</b>	40%	10%	<b>50%</b>
<b>Bulan Keempat</b>	40%	10%	<b>50%</b>
<b>Bulan Kelima</b>	30%	20%	<b>50%</b>
<b>Bulan Keenam sehingga kelapan</b>	Tiada	30% setiap bulan	<b>30% setiap bulan</b>

- Bagi kategori pekerja yang layak mendapat **EMP selama 4 bulan**, kadar bantuan kewangan di bawah SIP EMP+ kepada pencarum adalah seperti berikut:

**Jadual 3**

Bulan	Kadar Faedah EMP (Akta 800)	Kadar Bantuan	
		Kewangan SIP EMP+ kepada pencarum (Tambahan)	Kadar Bantuan Kewangan SIP EMP+ (Keseluruhan)
<b>Bulan Pertama</b>	80%	Tiada	<b>80%</b>
<b>Bulan Kedua</b>	50%	Tiada	<b>50%</b>
<b>Bulan Ketiga</b>	40%	10%	<b>50%</b>
<b>Bulan Keempat</b>	40%	10%	<b>50%</b>
<b>Bulan Kelima sehingga ketujuh</b>	Tiada	30% setiap bulan	<b>30% setiap bulan</b>

- Bagi kategori pekerja yang layak mendapat **EMP selama 3 bulan**, kadar bantuan kewangan di bawah SIP EMP+ kepada pencarum adalah seperti berikut:

**Jadual 4**

Bulan	Kadar Faedah EMP (Akta 800)	Kadar Bantuan	
		Kewangan SIP EMP+ kepada pencarum (Tambahan)	Kadar Bantuan Kewangan SIP EMP+ (Keseluruhan)
<b>Bulan Pertama</b>	80%	Tiada	<b>80%</b>
<b>Bulan Kedua</b>	50%	Tiada	<b>50%</b>
<b>Bulan Ketiga</b>	40%	10%	<b>50%</b>
<b>Bulan Keempat sehingga keenam</b>	Tiada	30% setiap bulan	<b>30% setiap bulan</b>

- Bagi kategori pekerja yang **tidak layak mendapat EMP (Akta 800)**, kadar bantuan kewangan di bawah **SIP EMP+** kepada pekerja adalah seperti berikut:

**Jadual 5**

Bulan	Kadar Faedah EMP (Akta 800)	Kadar Bantuan Kewangan SIP EMP+ kepada pencarum (Tambahan)	Kadar Bantuan Kewangan SIP EMP+ (Keseluruhan)
<b>Bulan Pertama sehingga ketiga</b>	Tiada	30% setiap bulan	<b>30% setiap bulan</b>

- Contoh senario bantuan kewangan di bawah SIP EMP+ kepada pencarum mengikut bulan berlakunya LOE adalah seperti berikut:

**i. LOE berlaku pada bulan Januari 2021:**

**Jadual 6**

Kelayakan EMP	Jan-21	Feb-21	Mac-21	Apr-21	Mei-21	Jun-21	Jul-21	Aug-21	Sep-21
	EMP 1	EMP 2	EMP 3	EMP 4	EMP 5	EMP 6	EMP 7	EMP 8	EMP 9
<b>0 bulan</b>	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil
<b>3 bulan</b>	80%	50%	40% + 10%*	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil
<b>4 bulan</b>	80%	50%	40% + 10%*	40% + 10%*	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil
<b>5 bulan</b>	80%	50%	40% + 10%*	40% + 10%*	30% + 20%*	30%*	30%*	30%*	Nil
<b>6 bulan</b>	80%	50%	40% + 10%*	40% + 10%*	30% + 20%*	30% + 20%*	30%*	30%*	30%*

**Jadual 7: Tambahan SIP EMP+ bagi LOE pada Januari 2021**  
**(Penerima sedia ada dan telah tamat SIP PRIHATIN 1.0)**

Kelayakan EMP	Jan-22	Feb-22	Mac-22	Apr-22	Mei-22	Jun-22
	EMP 1	EMP 2	EMP 3	EMP 4	EMP 5	EMP 6
0 bulan	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil
3 bulan	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil
4 bulan	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil
5 bulan	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil
6 bulan	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil

ii. LOE berlaku pada bulan Jun 2022:

Kelayakan EMP	Jun-22	Jul-22	Aug-22	Sept-22	Okt-22	Nov-22	Dis-22	Jan-23	Feb-23
	EMP 1	EMP 2	EMP 3	EMP 4	EMP 5	EMP 6	EMP 7	EMP 8	EMP 9
0 bulan	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil
3 bulan	80%	50%	40% + 10%*	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil
4 bulan	80%	50%	40% + 10%*	40% + 10%*	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil
5 bulan	80%	50%	40% + 10%*	40% + 10%*	30% + 20%*	30%*	30%*	30%*	Nil
6 bulan	80%	50%	40% + 10%*	40% + 10%*	30% + 20%*	30% + 20%*	30%*	30%*	30%*

**5. Siapakah yang TIDAK LAYAK mendapat bantuan kewangan di bawah SIP EMP+ kepada pencarum ini?**

- Pekerja yang kehilangan pekerjaannya sebelum 1 Januari 2021 dan selepas 30 Jun 2022.
- Pekerja yang telah kembali bekerja semasa menerima faedah EMP (Akta 800) bagi tuntutan LOE yang dibuat sebelum 1 Januari 2021.
- Pekerja yang menerima Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB).
- Pekerja yang berhenti secara sukarela.
- Pekerja yang bersara wajib pada dan selepas berumur 60 tahun.
- Pekerja yang diberhentikan akibat salah laku
- Pekerja yang tidak berdaftar di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) sebelum kehilangan pekerjaannya berlaku.

**6. Bagaimana permohonan SIP EMP+ kepada pencarum dibuat?**

- Permohonan pertama boleh dilakukan di **Portal Faedah SIP** menerusi pautan [eis.perkeso.gov.my](https://eis.perkeso.gov.my).
- Manakala bagi permohonan elaun bulan kedua sehingga permohonan elaun bulan kesembilan (mengikut kelayakan EMP), pemohon hendaklah log masuk dengan menggunakan ID pendaftaran (diberi selepas permohonan pertama) secara bulanan melalui Portal Faedah SIP di bawah tajuk 'Borang-Borang'. Sila pilih Borang EMP.
- Setiap tuntutan bulanan EMP bolehlah dibuat selepas tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan EMP sebelumnya dengan syarat telah memenuhi Program Penempatan Pekerjaan Semula (REPP).
- Sekiranya pekerja itu telah kembali bekerja dan melapor diri semasa menerima faedah EMP, pekerja tersebut hendaklah mengisi Borang EBSA untuk mendapat elaun bekerja semula awal.

**7. Adakah pekerja layak membuat sebarang rayuan kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) sekiranya permohonan SIP EMP+ kepada pencarum ditolak oleh PERKESO?**

- Pekerja tidak boleh membuat rayuan berkaitan tuntutan SIP EMP+ kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) kerana ianya bukan suatu faedah di bawah Akta 800.

**8. Adakah pekerja layak menerima bantuan di bawah SIP EMP+ kepada pencarum ini sekiranya telah kembali bekerja dan melapor diri dalam tempoh menerima faedah EMP di bawah Akta 800?**

- Pekerja yang telah kembali bekerja layak mendapat faedah Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) tetapi tidak layak menerima bantuan tambahan 30% bagi 3 bulan EMP terakhir SIP EMP+.
- Pengiraan EBSA tidak termasuk bantuan tambahan 30% bagi 3 bulan EMP terakhir.
- Pekerja yang telah kembali bekerja semasa dalam tempoh penerimaan bantuan kewangan SIP EMP+, hendaklah ditamatkan bantuan kewangan pada bulan berikutnya.

**9. Adakah pekerja perlu melaporkan kepada PERKESO sekiranya mendapat tawaran pekerjaan/ kembali bekerja?**

- Pekerja hendaklah melaporkan kepada PERKESO bahawa mereka telah kembali bekerja dan melapor diri kepada majikan baru dalam tempoh 7 hari dari tarikh melapor diri.
- PERKESO juga akan membuat rujuk silang di pangkalan data pendaftaran dan caruman (Portal ASSIST) PERKESO bagi menyemak maklumat terkini pekerja.

**10. Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan SIP EMP+ kepada pencarum?**

- Dokumen Utama (Permohonan kali pertama sahaja).
  - a) Salinan Kad Pengenalan
  - b) Surat Tawaran Kontrak Perkhidmatan (COS, LOA)
  - c) Salinan Surat Pemberhentian Kerja (Termasuk VSS, MSS AtauSeumpamanya)



- d) Salinan Penyata Gaji (6 Bulan Kebelakang Sebelum Bulan Kehilangan Pekerjaan)
  - e) Salinan Penyata Gaji Bulan Kehilangan Pekerjaan (Jika Ada).
  - f) Salinan Penyata Nombor Akaun Bank Pemohon
- Bagi pekerja yang tidak mempunyai dokumen-dokumen seperti di (b), (c), (d),(e) dan (f) pekerja hendaklah membuat pengisytiharan diri (*self-declaration*) di Portal Faedah SIP semasa membuat permohonan.
  - Dokumen sokongan:
    - a) Salinan laporan polis (contoh gangguan seksual, ugutan dsb).
    - b) Salinan bukti suatu perintah oleh majikan untuk melaksanakan kerja di luar skop kerja yang membahayakan kesihatan dan keselamatan.
    - c) Lain-lain dokumen pembuktian berkaitan dengan kes.

**11. Adakah pekerja yang sedang menerima faedah EMP (dalam tahun 2021) perlu mengemukakan permohonan yang baru?**

- Pekerja tidak perlu mengemukakan permohonan baharu berkaitan kehilangan pekerjaan sebelum itu (tahun 2021) tetapi perlu mengemukakan borang EMP secara bulanan.

**12. Adakah pekerja perlu mengemukakan bukti pencarian pekerjaan pada permohonan tuntutan EMP yang kedua dan seterusnya?**

- Ya. Setiap bukti carian pekerjaan perlu dimuat naik ke **Portal Faedah SIP** semasa mengisi borang EMP (EMP pertama hingga kesembilan sahaja) dan perlu mengemaskini di log pencarian pekerjaan di <https://www.myfuturejobs.gov.my/>.
- Bagi pekerja yang telah habis menerima faedah EMP (Akta 800) dan faedah di bawah SIP PRIHATIN 1.0 bagi kehilangan pekerjaan dalam tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021, namun masih belum kembali bekerja adalah layak mendapat tambahan bantuan kewangan sebanyak 3 bulan, pekerja masih perlu membuat carian pekerjaan di dalam Portal MyFutureJobs sebagai bukti pekerja masih mampu untuk bekerja, bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan.

**13. Bagaimanakah cara bayaran SIP EMP+ kepada pencarum yang layak?**

- Pembayaran faedah akan dilakukan secara bulanan selepas melengkapkan aktiviti carian pekerjaan MyFutureJobs oleh pekerja dibuat pada setiap bulan dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun yang diberi oleh pemohon.

**14. Bagaimanakah pengiraan SIP EMP+ kepada pencarum sekiranya gaji bulanan tidak dibayar kepada pekerja sebelum bulan kehilangan pekerjaan?**

- Sekiranya gaji bulanan tidak dibayar kepada pekerja maka 'Gaji' bulanan itu ialah suatu amaun yang sama dengan amaun gaji minimum bulanan mengikut Perintah Gaji Minimum yang dibuat di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] akan digunakan bagi menentukan pengiraan SIP EMP+.

**15. Bagi pekerja yang tidak mencukupi syarat kelayakan caruman (CQC) minimum atau mereka yang habis tempoh kontrak (expiry of the Contract Of Service) di mana kontraknya tidak disambung, bolehkah mereka memohon mendapat bantuan kewangan SIP EMP+?**

- Ya, pekerja yang tidak memenuhi syarat kelayakan caruman (CQC) sebagaimana ditetapkan di bawah Jadual Keempat Akta 800 atau habis tempoh kontrak perkhidmatan sekurang-kurangnya 24 bulan tempoh perkhidmatan dan pernah diperbaharui sekurang-kurangnya sekali di majikan yang sama adalah layak memohon bantuan kewangan SIP EMP+ kepada pencarum pada kadar 30% selama 3 bulan.

**16. Adakah pekerja perlu menyertai Program Penempatan Pekerjaan Semula (REPP) bagi menerima bayaran EMP seterusnya?**

- Pekerja hendaklah menyertai REPP bagi melayakkan mereka mendapat bayaran EMP di bawah SIP EMP+.

**17. Apakah syarat kelayakan caruman (CQC) bagi melayakkan pekerja untuk mendapat Faedah SIP di bawah AKTA 800 dan bagaimana cara pengiraan faedah (EMP dan EBSA)?**

- Syarat kelayakan caruman bagi melayakkan pekerja mendapat faedah SIP adalah sebagaimana ditetapkan di bawah Jadual Keempat AKTA 800.

- **Contoh 1: Tuntutan LOE kali pertama**
  - Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 3 bulan faedah adalah 12 caruman dalam tempoh 24 bulan dari tarikh LOE berlaku (12/24);
  - Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 4 bulan faedah adalah 16 caruman dalam tempoh 24 bulan dari tarikh LOE berlaku (16/24) dan seterusnya.
  
- **Contoh 2: Tuntutan LOE Kali Kedua**
  - Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 3 bulan faedah adalah 18 caruman dalam tempoh 36 bulan dari tarikh LOE kedua berlaku (18/36);
  - Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 4 bulan faedah adalah 24 caruman dalam tempoh 36 bulan dari tarikh LOE kedua berlaku (24/36) dan seterusnya.
  
- **Contoh 3: Tuntutan LOE Kali Ketiga**
  - Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 3 bulan faedah adalah 24 caruman dalam tempoh 48 bulan dari tarikh LOE ketiga berlaku (24/48);
  - Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 4 bulan faedah adalah 32 caruman dalam tempoh 48 bulan dari tarikh LOE ketiga berlaku (32/48) dan seterusnya.
  
- Kaedah pengiraan CQC dan amaun faedah boleh dirujuk melalui pautan berikut: [www.myfuturejobs.gov.my/benefits-calculator/](http://www.myfuturejobs.gov.my/benefits-calculator/)

## 18. Bagaimanakah cara membuat semakan status permohonan?

- Semakan boleh dibuat melalui Portal Faedah SIP di pautan [eis.perkeso.gov.my](http://eis.perkeso.gov.my).

**19. Apakah tafsiran gaji atau pendapatan yang dimaksudkan bagi permohonan SIP EMP+ kepada pencarum?**

- Tafsiran gaji atau pendapatan adalah mengikut tafsiran gaji di bawah Akta 800. Semua pembayaran berbentuk wang kepada pekerja dianggap sebagai gaji termasuk gaji pokok, bayaran berkenaan cuti, kelepasan, lebih masa dan kerja tambahan pada hari pelepasan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan PERKESO di talian **1-300-22-8000**.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**31 DISEMBER 2021**